

...tindakan dan teruk.
Kebanyakan kumpulan ini juga menggunakan hujah penolakan vaksin yang berlaku di luar negara.

“Jika berhujah atas dasar agama, saya mencadangkan golongan antivaksin ini merujuk kepada *Manual Soalan Lazim Mengenai*



WAN IRYANI

Vaksin Dan Immunisasi terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan melihat kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa serta ulama yang muktabar.

“Isu halal haram vaksin juga boleh dirujuk dalam buku bertajuk *Ubat Daripada Sumber Babi Dan Pilihan Alternatif* selain *Halalkah Ubat Anda* tulisan Abd. Rahman Baco,” kongsinya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, penghasilan dan pengamalan vaksin pada dasarnya adalah tidak salah mengikut ajaran Islam kerana manfaatnya lebih besar berbanding mudarat.

Selain itu, fakta turut menunjukkan pelaksanaan vaksin berjaya menyelamatkan nyawa jutaan manusia sejak diperkenalkan.

Ia juga telah mengatasi masalah kecacatan kekal seperti penyakit cacar dan lumpuh yang disebabkan oleh virus polio.

Menurut Wan Iryani lagi, pengambilan vaksin sebenarnya adalah salah satu kaedah untuk meningkatkan sistem imunisasi badan atau dengan kata lain

penyesuaian pula adalah pertahanan badan kedua yang bertindak secara khusus serta lebih kompleks tetapi lambat dihasilkan.

“Jika pertahanan pertama ini berjaya diceroboh sama ada melalui

luka atau termakan makanan yang tercemar, lapisan pertahanan seterusnya akan mengambil alih dengan pengeluaran bahan radang misalnya sitokin dan sel-sel darah putih.

Kesan sampingan

“Sekiranya pertahanan ini juga gagal, keimunan penyesuaian pula akan bertindak. Kedua-dua sel B dan T yang terhasil akan bertindak lebih agresif dengan memusnahkan mikroorganisma yang mencerooboh dalam badan sehingga menyebabkan kesan sampingan kepada manusia seperti demam, suhu badan makin tinggi dan rasa lemah-lemah sendi,” katanya.

Menariknya, sel-sel itu akan menyimpan memori tindak balas tersebut sebagai persediaan apabila badan manusia sekali lagi diserang oleh mikroorganisma yang sama pada masa hadapan.

Sehubungan itu, timbulnya idea untuk menghasilkan vaksin iaitu mewujudkan memori dalam sistem imun badan manusia dengan mengenal pasti mikroorganisma yang boleh menyebabkan penyakit

BAGAIMANA VAKSIN BERFUNGSI?

Apabila vaksin memasuki tubuh manusia, antigen akan bertindak merangsang sistem imuniti badan untuk menghasilkan antibodi terhadap penyakit cegah vaksin.

Vaksin akan memberi perlindungan optimum selepas menerima dos yang lengkap.

2 JENIS IMUNITI

1 Aktif
Antibodi yang dihasilkan oleh sistem imun diri melalui jangkitan penyakit atau melalui imunisasi.

2 Pasif
Antibodi yang diberi dari bukan berbandi dari sistem imun diri.

Imuniti aktif lebih tahan lama, dan kadang-kadang sepanjang hayat.

KEMENTERIAN KESEHATAN MALAYSIA
www.kemkes.gov.my

POSTER kepentingan vaksin yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan.

dan tindak balas sesuai.

Bahkan vaksin lebih selamat kerana mikroorganisma itu telah dibuang bahayanya atau dimatikan serta dilemahkan terlebih dahulu sebelum diberikan kepada penerima.

Dengan teknologi terkini, hanya serpihan kecil mikroorganisma digunakan dalam menghasilkan sesuatu vaksin.

Berbanding dengan jangkitan secara alami iaitu badan diserang oleh mikroorganisma kuat daripada yang disediakan dalam vaksin itu.

Tambahnya, vaksin juga

membantu meningkatkan sistem pertahanan badan manusia dengan memperkenalkan mikroorganisma yang menyebabkan penyakit berjangkit untuk disimpan sebagai memori.

“Apabila berlaku jangkitan sebenar, sistem pertahanan badan dapat menghadapinya dengan lebih berkesan dan cepat kerana sistem imun yang ada lebih bersedia serta tahu apakah bentuk tindak balas yang paling sesuai tanpa perlu melalui proses pemilihan bentuk pertahanan terbaik.

“Pemberian vaksin perlu diberikan secara menyeluruh kerana ia dapat menghasilkan kesan *herd immunity* atau dengan kata lain imuniti berkumpulan.

“Ini kerana, tidak semua golongan boleh menerima vaksin seperti perempuan mengandung, ibu yang menyusukan badan, penyakit autoimun yang biasanya disebabkan genetik, penghidap HIV atau individu yang secara semula jadi memiliki sistem imun badan yang lemah,” terangnya.

Golongan-golongan ini akan terlindung jika mereka yang sihat mendapat vaksin untuk mengurangkan risiko jangkitan penyakit berjangkit ke atas golongan lemah itu.

Sebaliknya, makin kurang individu yang sihat menerima vaksin, golongan lemah ini adalah golongan yang paling berisiko mendapat jangkitan penyakit.